

Tayangan filem pendek ARIL pada 13-15 Disember ini di UMS

UB 3.12.2017 B7

ARENA OF STUDIO atau dikenali sebagai AOS akan membuat satu tayangan unggul sebuah filem pendek bertajuk ARIL.

Filem pendek ini bertemakan tentang sebuah nilai struktur sosial dalam menjalani suka duka kehidupan.

Produksi Arena Of Studio yang dianggotai 10 orang pelajar Seni Kreatif, Major Penulisan menampilkan filem ARIL ini berdasarkan idea dan tugas yang diberikan.

Idea asal skrip merangkap pengarah Faizam Hakim mengharapkan filem pendek ARIL ini boleh menambat hati penonton dan mencapai sasaran produksi AOS.

Tayangan filem ini pada 13, 14 dan 15 Disember 2017 di Dewan Resital UMS.


Menempatkan hampir 20 buah produksi dengan tayangan yang pelbagai jenis genre akan merebut takhta dalam Festival Skrin Digital 2017 pada penghujung tayangan filem pendek nanti.

Filem pendek ARIL berkonsepkan 'thriller' dan aksi. Untuk tayangan unggul ini membawakan tiga watak utama yang menggerakkan plot cerita iaitu ARIL itu sendiri, Roy dan Tasha.

Bermula perjalanan Aril sebatang kara apabila kecuiaan dan sifat-sifatnya banyak berubah kerana terpengaruh dengan masalah sosial.

Kesan daripada itu, kesalahan itu mula menghantui sepanjang harinya, ditambah lagi ARIL mula diberhentikan kerja, buah hatinya Tasha semakin melupakan ARIL.

Hingga munculnya seorang rakan yang banyak membantu ARIL dikala



susah senangnya.

ARIL begitu selesa berkenalan dengannya. Seinggalah suatu hari ARIL terkejut Roy telah membunuh Tasha di hadapannya.

Jangan lupa saksikan filem

ARIL di pawagan Dewan Resital UMS.

Arena of Studio juga mengadakan promosi tiket dengan produk-produk AOS sendiri seperti baju, penanda buku dan banyak lagi. Jangan lupa

dapatkannya di Dewan Resital nanti.

Sebarang pertanyaan, boleh melayari media sosial rasmi AOS di facebook iaitu Arena Of Studio - AOS.
-Artikel sumbangan Sabir Syarifuddin